

30/08/1997

Bukan semua cakap mufti fatwa

SEREMBAN, Jumaat - Sesetengah umat Islam tidak memahami prosedur fatwa dikeluarkan dengan menganggap semua perkara yang mufti cakap sebagai fatwa, kata Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

Menurutnya, keadaan itu perlu diperbetulkan kerana fatwa tidak dikeluarkan dengan sewenang-wenangnya.

"Memang benar, mufti orang yang dipertanggungjawab mengeluarkan fatwa, tetapi perlu melalui prosedur tertentu.

"Mufti seperti manusia lain, tidak mengetahui semua perkara dan berhubung pengeluaran fatwa, pandangan tokoh agama yang mahir dalam bidang masing-masing diperlukan," katanya selepas mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Mains), di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa kerajaan tidak berniat mengawal kegiatan mufti.

Di negeri ini, katanya, sebelum fatwa dikeluarkan, perbincangan diadakan di peringkat Jawatankuasa Syariah yang dianggotai tokoh agama pelbagai bidang.

(END)